

10/09/1997

Menangani masalah pencemaran di bandar

Kamal Ahmad

SEJUMLAH 88 peratus penduduk dunia pada 2025 akan mendiami kawasan urban dan 90 peratus pertumbuhan urban berlaku di Asia-Pasifik termasuk Malaysia. Ini bermakna dalam tempoh 28 tahun lagi, perlu diwujudkan 400 bandar sebesar Sydney, 300 bandar seperti Bangkok atau 600 bandar bersaiz Singapura bagi menampung tambahan lebih dua bilion manusia.

Malaysia tidak terkecuali harus menyediakan pelan induk jangka panjang pembangunan kawasan urban. Kita harus mempunyai kepakaran dalam sistem pengurusan infrastruktur urban iaitu bekalan air, pembedungan dan kumbahan, pelupusan sisa pepejal, pengangkutan, bekalan tenaga, komunikasi, pendidikan dan kesihatan awam.

Pakar bidang itu penting untuk membantu menasihati kerajaan atau sektor swasta yang terbabit dalam pembangunan bandar dan strategi pelaburan infrastruktur yang memberi faedah ekonomi, sosial serta persekitaran. Mereka ada kapasiti dalam pembikinan dasar dan memahami keadaan politik dalam proses pembangunan urban selain faham sumbangan pelbagai profesion dan agensi dalam pembangunan urban secara keseluruhan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Kuala Lumpur seperti bandar raya lain mengalami masalah universal yang berlaku serentak dengan kepesatan pertumbuhan seperti kesesakan manusia dan lalu lintas, udara tercemar, setingan serta sosial dan fizikal.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam ucap tama Persidangan Datuk Bandar Negara-Negara Selatan 1997 di ibu negara, bulan lalu menegaskan, kita tidak perlu mewujudkan 'Gotham City' iaitu bandar menyeramkan dalam siri Batman yang penuh keganasan, kezaliman dan ancaman. Sebaliknya, pembangunan kawasan urban pada abad 21 adalah berasaskan konsep penyayang dan harmoni. Ini berbeza dengan pertumbuhan urban yang kini berlaku seiring dengan pelbagai penyakit dan kesengsaraan, keruntuhan sosial dan moral, kemiskinan, pencemaran serta jenayah.

"Oleh yang demikian, cabaran kepada kita ialah untuk memelihara sebuah bandar raya penyayang yang setiap kawasan perbandaran adalah tempat perlindungan masyarakat manusia, sebuah ruang yang sopan didiami dan mengembangkan keluarga," katanya.

Urbanisasi adalah proses pengembangan saiz kawasan dan penduduk di urban yang berlaku serentak dengan perubahan ekonomi, sosial dan persekitaran fizikal di kawasan itu. Ia sekali gus mendorong kekurangan perumahan asas, elektrik, komunikasi, sekolah, pusat kesihatan, pengangkutan awam, pusat riadah dan kemudahan sukan.

Untuk itu, kerajaan mengambil satu langkah terkedepan dengan melaksanakan projek Bandar Sihat pada 1994 membabitkan bandar raya Johor Bahru dan Kuching sebagai perintis. Ia bertujuan mewujudkan bandar sihat dan penyayang dengan meminimumkan ancaman kesihatan di kawasan perbandaran melalui integrasi dalam langkah perlindungan kesihatan dan persekitaran dalam proses pengurusan dan perancangan perbandaran.

Selain itu, kesedaran awam mengenai tabiat, sikap dan kebiasaan yang sihat dipertingkatkan manakala kelengkapan dalam perkhidmatan kesihatan diperbaiki dengan membangunkan sistem rawatan kesihatan sewajarnya.

Objektif Bandar Sihat juga ialah untuk mempertingkatkan keupayaan negara memperbaiki kesihatan di bandar melalui koordinasi lebih baik semua sektor terbabit.

Malangnya, kita tidak pernah didedahkan kepada hasil pemerhatian daripada projek Bandar Sihat bagi memungkinkan langkah memperbaiki serta

pengembangannya ke bandar lain diambil.

Lihat saja kualiti persekitaran dan sosial di bandar raya kita yang tidak seimbang. Sementara bangunan satelit dan pencakar langit muncul di serata tempat, sikap pengotor masih tebal. Teguran keras Dr Mahathir bulan lalu mengenai Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur yang penuh sampah-sarap jelas membuktikan penghuni urban tidak ada kesedaran pentingnya menjaga kebersihan dan persekitaran.

Masalah jerebu dan pencemaran asap kenderaan yang semakin kritikal di Kuala Lumpur, satu lagi bukti penghuni urban masih belum ada kesedaran menjaga persekitaran dengan menyokong dasar menggunakan pengangkutan awam. Begitu juga peningkatan kes demam denggi di kawasan perumahan, sekolah dan tapak binaan dalam kawasan urban bukti kesedaran penghuninya masih rendah. Gejala sosial seperti lepak, penagihan dadah, pelacuran dan penyuburan hedonisme. Tidak keterlaluan jika dikatakan, penghuni kawasan urban masih tidak ada kesedaran untuk merealisasikan ciri Bandar Sihat iaitu:

- \* Bersih dan persekitaran yang selamat dan berkualiti;
- \* Ekosistemnya stabil sekarang dan mapan untuk tempoh jangka panjang;
- \* Masyarakatnya kuat, saling membantu dan tidak mengeksploitasi;
- \* Penyertaan dan kawalan masyarakat yang tinggi berhubung keputusan membabitkan kehidupan, kesihatan dan persekitaran yang baik;
- \* Memenuhi keperluan asas (makanan, air, tempat tinggal, sara hidup, keselamatan dan kerja) bagi semua warga kota;
- \* Ada capaian kepada kepelbagaian pengalaman dan sumber, yang membuka peluang kepada kepelbagaian dalam hubungan, interaksi dan komunikasi di kalangan penghuninya;
- \* Ekonomi bandaraya yang mantap, pelbagai dan inovatif;
- \* Menyediakan perkhidmatan kesihatan dan rawatan pada tahap optimum untuk semua orang; dan
- \* Status kesihatan yang tinggi (tahap rendah bagi penyakit).

Menjelang 2020, dianggarkan 75 peratus penduduk negara ini tinggal di kawasan urban berbanding 27 peratus pada 1970, 34 peratus (1980) dan melonjak kepada 51 peratus (1991).

Berikutan peningkatan itu, adalah tidak mengejutkan harga tanah di dalam dan sekitar kawasan urban naik mendadak dan digunakan dengan banyak sekali. Akibatnya, menyebabkan pemilikan rumah adalah di luar kemampuan kecuali golongan berpendapatan tinggi. Kaedah mengurangkan nilai itu hanya dengan membina bangunan pencakar langit seperti rumah pangsa dan kondominium daripada membina perumahan mendatar.

Rakyat Malaysia kini perlu menerima hakikat kehidupan di rumah pangsa adalah jawapan paling logik untuk menangani harga tanah yang melambung. Di Asia, kaedah itu dilaksanakan dengan jaya di Singapura dan Hong Kong. Beberapa pemaaju mencadangkan pembinaan rumah pangsa yang sesuai ialah menggabungkan dua atau tiga blok rumah pangsa 25 hingga 35 tingkat dalam satu kawasan.

Kompleks perumahan ini membolehkan penghuninya tinggal dengan selamat dan sihat selain tersedia kemudahan riadah dan lanskap.

Apa yang diperlukan oleh penghuni di kawasan urban ialah jaminan keselamatan, persekitaran selesa, kesihatan dan semangat bermasyarakat. Penghuni kondominium, biasanya menikmati faedah seperti kemudahan sukan dan riadah untuk menjaga kesihatan seperti kolam renang, gelanggang tenis dan badminton serta gymnasium.

Pihak berkuasa tempatan harus melihat sesuatu daripada projek Cyberjaya. Konsep kehidupan moden dalam persekitaran yang mesra alam harus menjadi asas utama kelulusan projek pembangunan estet perumahan, kawasan komersil dan bandar baru.

Adalah menarik jika konsep `Cyberjaya mini' dikuatkuasakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ia memiliki ciri seperti

Cyberjaya sebenar iaitu zon perniagaan, komersil, institusi, kediaman, kemudahan awam, utiliti dan infrastruktur serta kawasan terbuka.

Satu perkara yang diabaikan secara ketara ialah ketiadaan kawasan riadah atau padang permainan di kawasan perumahan baru.

Kerajaan harus tegas supaya penyediaan kawasan itu dijadikan syarat kelulusan projek itu. Jika kita mahu menggalakkan rakyat sihat maka harus ada kawasan dan kemudahan rekreasi dan bukan menzalimi kanak-kanak kerana mereka bermain di atas jalan.

Kebosanan kerana tidak ada kegiatan akan mendorong remaja ke kompleks beli-belah dan selepas itu terjerumus dengan pelbagai gejala sosial.

Selain penyediaan kemudahan asas, pihak berkuasa tempatan harus memiliki satu set undang-undang yang terbaik dan penguatkuasaan yang berkesan. Reka bentuk sistem longkang dan pungutan sampah harus dipermudahkan supaya tidak berlaku kesulitan mengurus kebersihannya.

Jelaslah, pelaksanaan Bandar Sihat, Penyayang dan Harmoni bukan tugas mudah tetapi ia membabitkan komitmen, kejujuran dan kesedaran semua pihak serta sistem yang berkesan.

(END)